


Konsep MADANI elak negara Islam seperti Sudan terjebak konflik

- Akar tunjang masyarakat MADANI ialah perpaduan dan penyatuan melalui integrasi sosial serta menghindarkan konflik berisiko membawa kehancuran dan perpecahan

- Teori perhubungan antarabangsa lebih disarati idea daripada Barat seperti realisme, liberalisme, Marxisme, feminisme, pascamodenisme dan konstruktivisme



Penganalisis politik antarabangsa

Oleh Ismail Hashim Yahaya
bhrencana@bh.com.my

Kita bersyukur apabila 30 rakyat kita berjaya keluar dari Sudan selepas menempuh perjalanan darat lebih 30 jam dari Khartoum ke Port Sudan, sebelum merentasi Laut Merah menuju ke Jeddah.

Ketika konflik turut mengancam keselamatan rakyat kita itu, ramai bertanya apa berlaku di Sudan? Konflik bersenjata itu tercetus sejak dua minggu lalu antara Angkatan Tentera Sudan (SMF) dengan pasukan separa tentera atau militia, Rapid Support Forces

(RSF).

RSF dibentuk bagi menentang pemberontakan semasa konflik di Darfur pada 2013 itu, adalah warisan daripada militia Janjaweed dituduh terbabit dalam jenayah kemanusiaan di Darfur.

Laporan Middle East Monitor menyatakan dalam beberapa bulan lalu ketidaksetujuan antara kedua-dua entiti itu tercetus dalam isu reformasi keselamatan membawa ketegangan.

Reformasi dicadangkan itu akan menyerap RSF ke dalam SMF, sekali gus menyebabkan pemimpin RSF, Jeneral Mohamed Hamdan Dagalo atau dikenali Hemedti akan hilang kuasa dan undang-undang khas kebebasan dimiliki mereka akan terlerai.

Bagaimanapun, reformasi ini hasil desakan rakyat mahukan Sudan menuju ke arah pemerintahan awam demokrasi. Apatah lagi siri rampasan kuasa tentera pada 2019 dan 2021 menjejaskan kestabilan politik, sekali gus menggugat kedudukan ekonominya.

Tidak puas hati RSF membawa kepada pertempuran pada 13 April lalu apabila sejumlah besar kontingennya dihantar ke pangkalan tentera berdekatan Lapangan Terbang Merowe sekitar 436 kilometer ke utara Khartoum.

Konflik terbaru itu perlu dihentikan demi kesejahteraan rakyat bagi mengelakkan Sudan terjerumus ke kancan krisis kemanusiaan dan kebuluran. Sehingga kini, pertempuran sudah mengorbankan lebih 400 nyawa dan mencederakan lebih 2,600 rakyatnya.

Permusuhan kedua-dua entiti ini menyebabkan rakyat menjadi taruhan dan terjebak dalam medan maut. Amat menyedihkan kedua-dua pemimpin tidak memperlihatkan paradigma inklusif dapat menyatukan rakyat dan institusi kerajaan selain tentera.

Sayang sekali institusi ketenteraan yang menjadi sebahagian aparat negara untuk menjaga ketenteraman dan kedaulatan negara, terjerumus ke dalam kancan perebutan kuasa.

Hakikatnya, prinsip MADANI yang digagaskan di negara ini boleh dijadikan asas untuk mengelakkan konflik dalam sesebuah negara yang membabitkan beberapa pihak merebut kuasa politik terutama kepada negara Islam seperti Sudan.

Akar tunjang masyarakat MADANI ialah perpaduan dan penyatuan melalui integrasi sosial serta menghindarkan konflik yang berisiko membawa kehancuran dan perpecahan.

Prinsip kemampuan bermakna pengekalaman dan kesejahteraan rakyat. Dalam perhubungan antarabangsa, negara kuasa besar perlu mementingkan keamanan sejagat dan kesejahteraan, berbanding

mementingkan realisme berteraskan kuasa dan dominasi.

Prinsip kesejahteraan pula membawa maksud keseimbangan dengan menyetepikan kuasa dominan adikuasa tunggal dan mengiktirafkan negara serantau serta kecil, sekali gus mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan sesebuah negara.

Negara kuasa besar tidak perlu bertindak menceroboh negara lain dengan alasan seperti senjata nuklear atau memburu pengganas. Melalui prinsip ini, negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS) perlu mengakui kewujudan multipolariti kuasa keseimbangan China dan Russia serta negara kuasa serantau lain.

Prinsip daya cipta mengandungi beberapa konotasi antaranya pembaharuan, reka cipta dan reka baharu diperkenalkan negara kuasa besar atau pemerintah negara berkonflik untuk memakmurkan penduduk dunia melalui perkongsian teknologi dan kerjasama perdagangan sejagat tanpa buli dan ugutan.

Badan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) perlu bebas daripada pengaruh negara kuasa besar seperti AS, sebaliknya merintis idea dalam menjalin perhubungan antarabangsa yang kepentingan dikongsi bersama.

Prinsip hormat merujuk kepada maruah manusia meliputi kemanusiaan. Dalam konflik, pihak bertelagah seharusnya menyetepikan kepentingan

"Prinsip Madani yang digagaskan di negara ini boleh dijadikan asas untuk mengelakkan konflik dalam sesebuah negara yang membabitkan beberapa pihak merebut kuasa politik terutama kepada negara Islam seperti Sudan"

kebedaan dan kemaruk kuasa, sebaliknya mengelakkan rakyat terjejas kerana persengketaan akan membawa kepada jenayah dan krisis kemanusiaan.

Prinsip seterusnya adalah keyakinan yang menekankan kepada amanah. Dalam konflik di Sudan, sejauh manakah pemimpin diberikan amanah kepada rakyat menjalankan tanggungjawab mentadbir negara? Apa berlaku di di Sudan lebih memperlihatkan pembolotan kepentingan dan pemunggaan kekayaan negara.

Prinsip ihsan elak krisis kemanusiaan

Prinsip ihsan yang sinonim kepedulian dan belas kasihan perlu dijadikan contoh dalam perhubungan antarabangsa. Jika konflik berterusan Sudan akan berada di ambang krisis kemanusiaan.

Diakui dalam perhubungan antarabangsa, prinsip ihsan kurang diamalkan yang turut berlaku di Palestin apabila rejim pengganas Israel menyerang dan menggempol wilayah Gaza dan Tebing Barat.

Hakikatnya, konsep MADANI boleh diangkat untuk diterapkan kerana selama ini teori perhubungan antarabangsa lebih disarati dengan idea daripada Barat seperti realisme, liberalisme, Marxisme, feminisme, pascamodenisme dan konstruktivisme yang jelas cenderung kepada kepentingan Barat dan AS.

Walaupun sudah ada teori perhubungan antarabangsa daripada perspektif Asia atau negara Selatan tetapi ia kurang dikenali hingga diketepikan dalam kursus perhubungan antarabangsa di peringkat Universiti.

Ini kerana dominasi teori perhubungan antarabangsa Barat, manakala pada peringkat ahli akademik Timur dan Islam pula kurang mencabar hegemoni berkenaan seperti yang boleh dilihat dalam banyak tindak-tanduk kerajaan serta persidangan antarabangsa.

Justeru, konflik terkini di Sudan wajar dijadikan pentas percubaan dalam mengaplikasi teori perhubungan antarabangsa termasuk konsep MADANI seperti digagaskan di negara ini. Ia bukanlah suatu mustahil kerana dunia selain Barat sudah lama mengutarakan teori sebegini.

Contohnya, ahli sosiologi Islam tersohor, Ibnu Khaldun mengutarakan konsep ketamadunan dalam kitab Muqaddimah, manakala pakar geopolitik Russia, Alexander Dugin berjaya menambahkan teori ketamadunan dalam teori perhubungan antarabangsa hingga mencabar teori perhubungan antarabangsa Barat.

Dugin menggagaskan teori ketamadunan Russia sebagai empayar, sekali gus mengakui China, India dan Islam sebagai empayar besar menguasai sebahagian besar dunia.

